

**SYARAT-SYARAT KELULUSAN  
MENYAMBUNG/MEMBAIKI/MENGUBAHSUAI BANGUNAN**

- 1. Bahan-bahan binaan hendaklah dipagar dan dikepong dengan secukupnya dengan perbelanjaan sendiri sehingga bahan-bahan itu dipindahkan atau selainnya dijamin selamat dan memuaskan.
- 2. Bahan-bahan binaan hendaklah diterangi dengan sesuainya pada waktu gelap dan seorang jaga hendaklah digunakan untuk memastikan semasa kerja-kerja itu dilakukan.
- 3. Sisa buangan bahan-bahan binaan tidak dibenarkan dilonggokkan, dikumpulkan, diletakkan dan dihimpunkan pada bahu-bahu dan kawasan persekitaranya. Perlu melantik kontraktor pembuangan sampah bagi mengumpul sisa-sisa binaan dan membuang jauh ke Pusat Pembuangan Sampah yang disahkan oleh jabatan.
- 4. Bancuan simen/konkrit tidak dibenarkan sama sekali dilakukan diatas permukaan jalan/orong.
- 5. Longgokan bahan-bahan binaan tidak dibenarkan melebihi keluasan 2 meter persegi dan mengganggu atau menghalang sebarang kendaraan yang menggunakan jalan/orong tersebut.
- 6. Kebersihan jalan/orong dan longkang dikawasan persekitaran pembinaan hendaklah diutamakan.
- 7. Pembinaan menyambung/membaiki/mengubahsuai hendaklah mengikut pelan no.: ..... seperti yang diluluskan tanpa tambahan dan pindaan.
- 8. 'Inspection Chamber' atau 'Sum Pit' bagi tangki najis individu tidak dibenarkan ditutup matikan sama sekali.
- 9. Sebarang kerosakan pada jalan/orong/longkang bahu jalan akibat dari kerja-kerja pembinaan hendaklah diperbaiki semula dengan perbelanjaan sendiri.
- 10. Sesalur bekalan (wire hitam) TNB tidak dibenarkan dilindungi, ditutup atau dihalang dengan sebarang rekabentuk atau struktur bangunan.
- 11. Mengadakan 'party wall' 4 1/2" tebal melebihi 9" tinggi dari paras bumbung antara dua bangunan atau depan/belakang.
- 12. Semua saluran air kumbahan dari sinki, bilik mandi dan tandas hendaklah disalurkan ke lubang pembetungan/tangki septik individu yang sediada.

- 13. Kemukakan pelan RC yang disahkan oleh Jurutera Perunding yang bertauliah.
- 14. Meter air perlu dialih ke tempat yang sesuai agar ianya boleh dibaca dengan mudah.
- 15. Pemasangan 'adjustable louvres' tidak dibenarkan pada dinding bilik ke 3 berukuran 4'0" X 4' 0" adalah perlu untuk tujuan pengcahayaan dan pengudaraan yang baik.
- 16. Jalan masuk hadapan tidak dibenarkan ditutup sepenuhnya. Sekurang-kurangnya 2 lubang berukuran 2'0" lebar setiap satu perlu diadakan bagi memudahkan penyelenggaraan.
- 17. Perlu mengemukakan "Borang B" sebelum memulakan sebarang pembinaan mengikut Akta Jalan & Parit 1974.

(HJ. MURAD BIN HJ. HUSIN)  
Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Jasin,  
Melaka.